

01 MAR 2002

YADIM SYOR PM JADI Pengerusi Majlis Perundingan Ulama Negara

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia hari ini mencadangkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pengerusi Majlis Perundingan Ulama Negara (Majlis Ulama) yang akan ditubuhkan kerajaan.

Timbalan Yang Dipertuanya Abdul Manaf Ahmad berkata ini bagi membolehkan seseorang ketua kerajaan sendiri mendengar pendapat ulama dan turut membincangkan pro dan kontra sesuatu isu daripada sudut agama, kepakaran keduniaan dan arus politik dunia.

"Sekiranya cadangan ini dapat dilaksanakan, tidak akan ada keraguan atau tohmahan kononnya kerajaan sekarang memisahkan agama daripada pemerintahan negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdul Manaf berkata sesiapa sahaja yang menerajui negara sebagai pemerintah dan mengetahui selok belok pemerintahan negara yang tidak diketahui oleh orang lain, tentulah dapat memandu dan membincangkan isu-isu yang dibangkitkan.

Menurutnya para anggota Majlis Ulama perlu terdiri daripada cendekiawan dan ilmunan dalam pelbagai bidang seperti agama, sosiologi, pertanian, perubatan, sains teknologi dan angkasa lepas.

-- BERNAMA
AKT MAM RON